

Nilai bantuan banjir Keluarga Malaysia RM1.4b

UM - 30/12/2021 m/s: 3

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan memastikan segala bantuan serta kemudahan kepada mangsa banjir dilaksanakan secara komprehensif, berkesan dan menyeluruh di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia dengan nilai keseluruhan RM1.4 bilion.

Perdana Menteri berkata, di bawah inisiatif itu, kerajaan melaksanakan beberapa penambahbaikan berhubung Bantuan Wang Ihsan (BWI) antaranya pemberian RM1,000 kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas akibat banjir dan menyalurkan kepada semua KIR yang terkesan termasuk mereka yang tidak berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Menurut beliau, penambahbaikan lain ialah pemberian RM10,000 kepada waris mangsa yang meninggal dunia dan mangsa-mangsa yang terjejas akibat banjir boleh menuntut BWI setiap kali bencana menimpa berbanding sebelum ini hanya sekali semasa berlakunya Monsun Timur Laut.

“Menyedari mangsa-mangsa banjir memerlukan wang tunai, kerajaan-kerajaan negeri membuat bayaran BWI yang bermula pada 27 Disember lalu dan dijangka selesai minggu ini. Bagaimanapun Selangor dan Pahang mungkin sedikit lewat berikutan melibatkan jumlah mangsa yang ramai. Bagi tujuan ini, saya mengarahkan pihak-pihak berkaitan mempermudah urusan pembayaran tanpa sebarang birokrasi atau tanpa perlu mengisi pelbagai borang seperti sebelum ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, setakat data terkini, lebih 30,000 KIR didaftarkan untuk menerima BWI dan pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) sudah menyalurkan peruntukan awal BWI sebanyak RM34 juta kepada 11 negeri manakala untuk kematian pula, seramai 25 orang waris sudah menerima bantuan RM10,000 seperti diumumkan.

Selain itu kata beliau, kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi meng-



ISMAIL SABRI YAAKOB

gerakkan kerja-kerja pasca banjir dan turut menambah RM50 juta lagi khusus untuk Selangor dan Pahang bagi tujuan sama bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pembersihan rumah penduduk dan fasiliti awam yang rosak.

Pada masa ini katanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta kontraktor yang

dilantik sedang giat menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terkesan dengan bencana banjir.

Bagi menambah akses tunai kepada mangsa yang memerlukan, kata beliau, Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan dana keseluruhan RM100 juta menawarkan pembiayaan sehingga RM10,000 pada kadar 0 peratus dengan tempoh bayaran balik sehingga 3.5 tahun termasuk moratorium bayaran balik selama enam bulan.

Selain itu, beliau berkata, Bank Negara Malaysia juga dengan ketersediaan dana RM500 juta menyediakan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) melalui bank komersial iaitu sehingga RM500,000 kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan sehingga RM75,000 kepada usahawan mikro dengan tempoh pembiayaan adalah sehingga lima tahun termasuk moratorium bayaran balik sehingga enam bulan dengan kadar pembiayaan sehingga 3.5 peratus setahun.